

# Gerhana bukti keagungan Ilahi

## CATATAN



USTAZ DR FIRDAUS YAHYA

TARIKH 9 Mac 2016 adalah detik bersejarah dalam kehidupan 82 rakyat Singapura yang berada di Palembang.

Tepat 7.20 pagi waktu tempatan, mereka disajikan dengan pemandangan yang cukup mengagumkan: gerhana penuh matahari. Satu pemandangan yang jarang dapat dilihat.

Ramai daripada mereka mengalirkan air mata. Kesyahduan mencengkam jiwa. Tersentuh dengan keagungan Sang Pencipta.

Persiapan melihat gerhana penuh itu bermula seawal 2015 lagi.

Syarikat pelancongan Sunny Island Travel & Tours merupakan satu-satunya syarikat pelancongan Melayu tempatan yang menyediakan paket melihat gerhana itu.

Peserta yang mengikuti rombongan itu diberi taklimat dan penerangan berkenaan gerhana agar mereka memahami fenomena itu dan menyediakan persiapan yang perlu untuk mencerapnya.

Pagi 9 Mac disambut dengan deretan awan tebal yang berkepul-kepul di ufuk timur.

## TEMPAT PALING STRATEGIK LIHAT GERHANA

Puluhan ribu manusia yang sudah berkumpul dari subuh mula berkerut di dahi. Hati berdebar-debar bimbang, takut tidak dapat melihat pemandangan hebat gerhana penuh yang tidak akan kembali di kawasan yang sama selama 54 tahun lagi.

Rancangan asal rombongan Sunny Island itu adalah bergabung dengan ribuan rakyat Indonesia dan luar negara di Masjid Agung Palembang yang berdekatan dengan Sungai Musi.

Jambatan Ampera yang merentasi Sungai Musi adalah tempat paling strategik untuk melihat gerhana.

Namun jambatan itu sudah dikhasikan untuk mereka yang sudah membeli paket festival gerhana. Mereka disajikan dengan sarapan dan acara camping.



BERI TUMPUAN: Sekumpulan warga Singapura yang turut bersama Ustaz Dr Firdaus Yahya ke Palembang, Indonesia, begitu sungguh-sungguh menyaksikan gerhana yang berlaku pada 9 Mac lalu. - Foto-foto SUNNY ISLAND TRAVEL &amp; TOURS



Pada saat-saat akhir, ketua rombongan membuat keputusan untuk menarik tempat mencerap. Ini setelah mereka mendengar bahwa ada beberapa orang dari Belanda yang telah menjumpai tempat strategik untuk melihat gerhana, jauh daripada Sungai Musi.

Namun, langit yang mendung pagi itu tetap membimbangkan.

Manusia merancang, Allah menentukan. Maka mereka dianjurkan memperbaiknya doa dan membaca ayat Kursi dalam perjalanan ke tempat mencerap. Harapan mereka satu: semoga Allah mengabulkan hasrat mereka mahu melihat gerhana penuh nanti.

Awan terus berarak lalu. Matahari sekedar jatuh dan sekejap hilang.

Mulut mereka yang ada di padang tersebut terkumpul-kamit, bertasbih, berdoa, memohon kepada Allah agar diperlakukan gerhana penuh nanti.

Dalam masa yang sama, tabung mula bergerak dari seorang ke seorang, mengumpulkan sedekah yang akan diserahkan kepada rumah anak yatim.

SELESAI SAJAH SOLAT, AWAN MULA MENGUAK, MEMPERLIHAT MATAHARI YANG TERTUTUP SEJAK AWAL PAGI.

Ketika itu, mereka dapat melihat hampir 70 peratus permukaan matahari sudah ditutup bulan.

Awan terus berarak lalu. Matahari sekedar jatuh dan sekejap hilang.

Mulut mereka yang ada di padang tersebut terkumpul-kamit, bertasbih, berdoa, memohon kepada Allah agar diperlakukan gerhana penuh nanti.

Awan terus berarak lalu. Matahari sekedar jatuh dan sekejap hilang.

Mulut mereka yang ada di padang tersebut terkumpul-kamit, bertasbih, berdoa, memohon kepada Allah agar diperlakukan gerhana penuh nanti.

Dalam masa yang sama, tabung mula bergerak dari seorang ke seorang, mengumpulkan sedekah yang akan diserahkan kepada rumah anak yatim.

## SEMACAM KEAJAIBAN BERLAKU

Sememangnya Allah tidak mengecewakan perintahan hamba-Nya yang ikhlas.

Beberapa minit sebelum saat terjadinya gerhana penuh, satu perkara yang amat ajaib berlaku.

Kawasan langit di sekeliling matahari tiba-tiba bersih daripada sebarang awan. Bukan itu sahaja, malah kawasan awan yang terbuka, mereka mendapat langit masih lagi 'kotor' dengan awan yang tebal.

Ini tidak mematahkan semangat mereka. Setiap orang bergeser mencari tempat untuk mendirikan alat kamera dan video.

Setelah melakukan persiapan tersebut, mereka berkumpul untuk melakukan solat gerhana. Doa dipanjatkan dengan penuh keikhlasan.

Kedua-dua sekeling mula menjadi gelap tetapi gelap yang amat berlainan. Ia bukan gelap malam, bukan gelap berawan, tetapi

gelap yang menjadikan suasana kelam seolah-olah alam sekeliling berwarna kela-

bu. Saat terakhir sebelum matahari ditutup bulan, ia mengeluarkan satu Cahaya yang amat terang. Seolah-olah keseluruhan matahari berebut hendak meloskan diri daripada celah-celah bulan yang hampir menutupinya. Inilah fenomena 'cincin berlian' kerana bagi yang melihatnya, ia seolah-olah sebentuk cincin berlian raksasa di langit.

Tiba-tiba matahari menjadi gelap! Gerhana penuh sedang berlaku. Keadaan sekeliling menjadi amat kelam seperti waktu magrib. Bunyi cengkerik mula terdengar di sekeliling. Ayam mula berkotok. Binatang-binatang menjadi keliru, menyangka malam sudah tiba.

Di langit, bebola matahari yang hitam dikelilingi cahaya putih yang terang. Inilah korona matahari. Ia adalah gas panas yang keluar daripada permukaan matahari.

Pemandangan ini yang menitiskan air mata syahdu. Ditambah pulu dengan keinsafan akan kebesaran Allah dan kemurahan-Nya memperlihat gerhana penuh walaupun keadaan langit yang keruh dengan awan yang tebal.

Penyataan bulan dan matahari ini hanya berlaku selama dua minit sahaja di Palembang. Selepas itu bulan mula meninggalkan matahari. Cahaya matahari berebut keluar dari celah-celah bulan untuk menyinari bumi kembali. Fenomena 'cincin berlian' berlaku sekali lagi.

## NIKMAT PEMANDANGAN CUKUP MENGAGUMKAN

Beberapa saat kemudian, awan kembali menutupi matahari. Seakan-akan isyarat daripada Allah: Cukuplah untuk kamu nikmati ini. Nikmat pemandangan yang tidak dapat dilupakan sepanjang hayat telah dianggerakan oleh Allah dalam masa dua minit tersebut.

Laporan media massa memaklumkan bahawa puluhan ribu manusia di Palembang kecewa kerana tidak dapat melihat gerhana punah akibat awan tebal yang menutupi langit.

Sesungguhnya mereka yang berada di padang tersebut merupakan antara yang paling bertuah mendapat anugerah melihatnya.

Keadaan sekeliling kembali cerah namun matahari tetap tidak dapat dilihat kerana tebus awan.

Bulan terus meninggalkan matahari, dan sejam kemudian tiada satupun bahagian matahari yang terlindung dengan bulan.

Gerhana telah berakhir. Rombongan Singapura dan Belanda mula mengemas barang-barang mereka, meninggalkan padang tersebut dengan kenangan manis.

Hati sudah terpaut. Azam sudah terpahat.

Wahai bayangan rembulan di siang hari! Kami akan berusaha terus mengejarnya.

► Penulis pengasas pusat pendidikan Darul Huffaz.

## 'Nama saya 'Pintu'

## PANDANGAN WARTAWAN



FAKHRU RADZI ISMAIL

mfismail@sph.com.sg

"SEKARANG abah kasi nama dia Ahmad. Pasal dia suka pintu, taruk nama dia Ahmad Pintu... Ahmad Pintu tak bagus. 'Pintu' dalam bahasa Arab, 'albab', jadi abah taruk nama dia Ahmad Albab!"

Bagi peminat filem Allahyarham Tan Sri P. Ramlee, anda mungkin masih ingat petikan babak dalam filem *Ahmad Albab* yang menunjukkan si duti memberi nama kepada cucunya yang hanya berhenti menangis sebab sahaja dia mengetui pintu.

Hasil ketukan tersebut, maka terlilahnam nama Ahmad Albab.

Ketika menyentuh tentang pilihan nama untuk anak, ada kalanya kita terfikir tentang filem Melayu kerana ada yang memparkan nama anak yang begitu unik, malah cara nama itu diperolehi juga ada kalanya begitu luar biasa.

Baru-baru ini ketika saya menonton filem itu semula, saya dapat babak tersebut boleh dikaitkan dengan keadaan masa kini dan menjadi bahan perni terhadap ibu bapa tatkala mereka hendak memberi nama kepada calahayata mereka.

Malah, tidak menghairankan jika ia memercinkan realiti hidup dalam dunia serba moden ini meskipun filem itu diterbitkan hampir 50 tahun lalu.

## MAHU NAMA UNIK

Ramai ibu bapa bagai dilanda dilema dasar cabaran besar dalam mencari nama sesuai untuk anak yang akan lahir – mereka mahu yang unik tetapi tidak terlalu 'bergaya'.

Nama anak diperolehi melalui pelbagai cara berbeza – daripada campuran nama kedua-dua ibu bapa hingga kepada mendapat ilham setelah melihat atau membaca sesuatu yang menarik perhatian mereka.

Ada juga ibu bapa yang menggunakan bahasa asing untuk dijadikan nama si anak kerana ia didapati mempunyai sebutan yang sedap seperti 'Albab'. Memberi nama sebegini bak trend di kalangan mereka.

Lihat sahaja rencana yang disiaran dalam akhbar *The Straits Times* minggu lalu mengenai ibu bapa alaf baru yang memberi nama pelik dan susah disebut kepada anak mereka.

Terlahirlah nama seperti Abcde (disebut sebagai Ab-si-dee) dan Rheago (disebut sebagai Rah-he-go) yang diambil sempena watak dalam siri televisyen popular *Game of Thrones*.

Rencana yang mendapat banyak perkongsian dalam laman sosial Facebook itu turut menyatakan ki-an ramai orang di serata dunia memberi nama luar biasa dan aneh kepada bayi mereka.

Laporan mengenai ibu alaf yang diterbitkan oleh Goldman Sachs pada Mei lalu menyebut tentang kajian yang menunjukkan terdapat pengurangan jumlah bayi yang diberi nama popular dan tradisional.

Satu kajian yang dilakukan pada 2012 oleh Universiti Victoria di Wellington, New Zealand, pula menunjukkan bahawa jika nama anda mudah disebut, orang lain akan menganggap anda mudah dipercayai. Sebaliknya, jika nama anda susah disebut, ada yang akan melihat anda sebagai orang yang tidak boleh diperdaya.

Sebagaimana orang Islam disuntikan memberi nama yang elok kepada anaknya, sesuai dengan sabda Rasulullah saw yang bermakna:

"Sesungguhnya kamu semua akan diseru/dipanggil pada hari kiamat dengan nama kamu dan nama bapa kamu. Oleh itu perelokkanlah nama kamu." (Hadis riwayat Imam Abu Daud dari Abu Dardak ra.)

## NAMA LAMBANG DOA

Nama seharusnya melambangkan identiti dan ciri seseorang. Tambahan pula ia juga melambangkan doa dan harapan ibu bapa terhadap anaknya.

Justeru, sebaiknya setiap pilihan nama anak perlu ada tujuan dan maksud yang boleh menjadi atau mengandungi doa yang baik.

Pasangan ibu bapa juga perlu sentiasa ingat bahawa sesuatu nama yang diberikan kepada anak mereka boleh mempengaruhi kehidupan mereka apabila dewasa kelak.

Mungkin ada yang tidak suka nama yang tertera dalam kad pengenalan mereka kerana sering diejek atau dipermainkan dan akhirnya akan menyebabkan sesuatu kejadian yang tidak diingini berlaku.

Maka itu, jika anda tidak mahu kejadian tersebut berlaku, berilah nama yang sempurna kepada cahaya mata anda untuk kebaikan dirinya dan juga sebagai ibu bapa.

**AZZA TRAVEL & TOURS PTE LTD**  
390 Victoria Street, #01-49, Golden Landmark  
Tel: 6292 7110 Email: [enquiries@azzatravel.com](mailto:enquiries@azzatravel.com)

**Waktu perniagaan:**  
Isnin - Jumaat 9.30 pagi - 6.30 petang / Sabtu 10 pagi - 3 petang

<b>KEBERANGKATAN KHAS 2016</b>		
<b>JEPUN</b>	<b>TOKYO RAILDAYS</b>	
6H Japan Best Flower Season	(Percuma 3H Kanto Rail Pass) Gala Yuzawa dr. \$168 & Mt.Fuji + Kawaguchiko dr. \$188	
7H Hokkaido Special (by train)		
bkt. 19 Mei	dr. S\$2448	
bkt. 04 Ogos	dr. S\$2498	
<b>KOREA</b>		
6H Discover Seoul Autumn		
6H Discover Seoul		
9H Korea Winter Ski Experience		
6H Discover Seoul Ski		
bkt. 27 Okt	dr. S\$1288	
bkt. 05 Dis		
bkt. 19 Dis		
bkt. 27 Dis		
<b>MALAYSIA</b>		
4H Terengganu Gambang		
1H Melaka Hari Ibu High Tea		
3H KL + Melaka		
bkt. 24 Mac	\$230	
bkt. 08, 07 Mei	\$75/S\$145	
bkt. 30 Apr	\$165	
<b>INDONESIA</b>		
4H Bali Dolphin Watching		
4H Lombok Special		
6H Bali & Lombok		
5H Jakarta Puncak Bandung		
bkt. 03 Sep, 23 Dis		
bkt. 06 Ogos		
bkt. 01 Dis		
bkt. 07 Dis		
<b>LAIN-LAIN</b>		
6H Dubai & Abu Dhabi		
10H Montenegro Croatia Bosnia		
11H Highlights of Turkey		
10H Finland: Lapland + Lights		
11H Spain - Andalucia		
bkt. 02 Dis	dr. S\$1288	
bkt. 20 Apr	dr. S\$2038	
bkt. 08, 17 Dis		
bkt. 12 Dis		
bkt. 09 Dis		
<b>KELAS UMRAH</b>		
Kelas Umrah akan diadakan di:		
Masjid Al Iman (3, 10, 17, 24 April)		
Masjid Darul Aman (27 Mac, 3, 10, 17 April)		
Waktu: 8.30 - 10.30 pagi (Ahad)		
<b>UMRAH 2016</b>		
12H Umrah	bkt. 09 Apr	dr. S\$3300
13H Umrah	bkt. 04 Mei	dr. S\$3280
Medina: Sofra Al Huda		
Makkah: Le Meridien atau setaraf		
<b>UMRAH AKHIR TAHUN</b>		
11H Umrah	bkt. 21 Dis	dr. \$2890
12H Umrah	bkt. 10, 14 Dis	dr. \$3450
13H Umrah	bkt. 02 Dis	dr. \$3150
Medina: Sofra Al Huda - Makkah: Rotana Marwa, Le Meridien		
<b>UMRAH RAMADHAN</b>		
13H Umrah Awal Ramadhan	bkt. 03 Jun	dr. \$4750
14H Umrah Ak		